

Hong Leong Dana Maa'rof

Mensasarkan pendapatan dan pertumbuhan modal yang mantap melalui portfolio pelaburan yang seimbang



**LSEG Lipper
Fund Awards**
2024 Winner
Malaysia



**LSEG Lipper
Fund Awards**
2024 Winner
Global Islamic

- Aset Campuran MYR Seimbang – Pencen Malaysia, 5 Tahun
- Aset Campuran MYR Seimbang – Pencen Malaysia, 10 Tahun
- Aset Campuran MYR Seimbang – Islamik Malaysia, 5 Tahun
- Aset Campuran MYR Seimbang – Islamik Malaysia, 10 Tahun
- Aset Campuran MYR Seimbang – Islamik Global, 5 Tahun
- Aset Campuran MYR Seimbang – Islamik Global, 10 Tahun



- ✿ Pelaburan bertemakan sosial, tanggungjawab dan etika
- ✿ Bertujuan untuk menjana agihan pendapatan secara tetap dan pertumbuhan modal daripada pelaburan dalam ekuiti dan pendapatan tetap yang mematuhi prinsip Syariah, tertakluk kepada kesediaan pendapatan
- ✿ Diuruskan secara aktif untuk meraih peluang dan mengurangkan risiko dalam pasaran

Kategori Dana	Seimbang (Islamik)
Jenis Dana	Pertumbuhan & Pendapatan
Penilaian Risiko Produk	Sederhana
Objektif Pelaburan	Dana ini secara utamanya* adalah dana seimbang Islamik yang bertujuan untuk menjana bukan sekadar pendapatan tetap** tetapi juga pertumbuhan modal jangka sederhana-hingga-panjang*** yang bermakna****. Dana ini menyediakan kepada orang awam akses yang mampu milik***** ke dalam portfolio pelbagai pelaburan yang mengandungi campuran seimbang merangkumi ekuiti dan sekuriti pendapatan tetap yang mematuhi keperluan Syariah. * Dana ini secara amnya akan mengekalkan peruntukan aset sebagai dana seimbang Islamik setiap masa. ** Pendapatan boleh diagihkan dalam bentuk tunai dan/atau unit. *** 3 hingga 5 tahun **** Sila ambil perhatian bahawa dana ini mensasarkan untuk menyediakan pulangan risiko-diselaraskan yang mampan dalam bentuk pertumbuhan modal dan pendapatan sejajar dengan prestasi penanda aras dan dasar agihan dana, walaupun ia tidak dijamin. ***** Pemegang unit boleh membeli unit-unit di dalam dana dengan pelaburan permulaan minimum dari serendah RM100, tertakluk kepada caj jualan.
Peruntukan Aset (% daripada NAB Dana)	Ekuiti patuh Syariah: Minimum 40%, Maksimum 60% Sukuk dan instrumen pasaran wang Islamik: Minimum 40%, Maksimum 60%
Pelaburan Awal Minimum	Pelaburan tunai atau Skim Pelaburan Ahli KWSP: RM1,000 (Sila rujuk Prospektus Induk bahagian 5.5 (b) untuk pelan yang lain)
Pelaburan Tambahan Minimum	Pelaburan tunai: RM100 Skim Pelaburan Ahli KWSP: RM1,000
Caj Jualan	Pelaburan tunai: Sehingga 6.00% dari Nilai Aset Bersih (NAB) seunit Skim Pelaburan Ahli KWSP: Sehingga 3.00% dari NAB seunit
Yuran Tahunan Pengurusan	2.00% setahun
Yuran Tahunan Pemegang Amanah	0.07% setahun, tertakluk kepada minimum RM18,000 setahun (tidak termasuk yuran dan caj kustodian asing)

Skim Pelaburan Ahli KWSP (SPA-KWSP)

Hong Leong Asset Management Bhd merupakan salah satu Institusi Pengurusan Dana yang dilantik di bawah SPA-KWSP. Ahli KWSP boleh melaburkan tidak lebih daripada 30% lebih simpanan pada Simpanan Asas dalam Akaun 1 ke dalam produk melalui Institusi Pengurusan Dana yang diluluskan. Amaun minimum pengeluaran pelaburan adalah RM1,000 dan pelaburan boleh dibuat sekali pada setiap tiga bulan dari tarikh pengeluaran terakhir. Sila rujuk jadual Simpanan Asas KWSP terkini untuk menentukan kelayakan pelaburan. Sila hubungi jabatan Khidmat Pelanggan kami untuk senarai terkini Dana. Ahli KWSP yang ingin membuat tukaran di bawah SPA-KWSP tertakluk kepada terma dan syarat KWSP.

Penafian: Risalah ini tidak pernah disemak oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Pelabur adalah dinasihatkan agar membaca dan memahami kandungan Prospektus Induk Hong Leong bertarikh 27 Februari 2023 serta Prospektus Induk Tambahan Pertama, Kedua dan Ketiga bertarikh 18 Ogos 2023, 5 Januari 2024 dan 19 Ogos 2024 masing-masing (secara kolektif dirujuk sebagai "Prospektus") dan Lembaran Maklumat Produk ("PHS") sebelum melabur. Prospektus ini telah didaftarkan dan PHS ini telah diserahkan kepada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia yang tidak bertanggungjawab ke atas kandungan Prospektus dan PHS tersebut. Pendaftaran Prospektus atau penyerahan PHS ke Suruhanjaya Sekuriti Malaysia tidak bermaksud atau menunjukkan bahawa Suruhanjaya Sekuriti Malaysia telah mengesyor atau menyokong dana tersebut. Salinan Prospektus ini boleh diperolehi dari mana-mana pejabat, ejen atau pender sah HLAM kami. Lembaran Maklumat Produk juga disediakan dan pelabur berhak untuk memintanya. Lembaran Maklumat Produk dan sebarang dokumen pendedahan produk lain seharusnya dibaca dan difahami sebelum membuat sebarang keputusan pelaburan. Anda juga seharusnya mempertimbangkan yuran dan caj yang dikenakan sebelum melabur. Harga unit dan agihan boleh bayar, jika ada, mungkin boleh turun atau naik, dan prestasi lampau dana bukan indikasi prestasi akan datang. Di mana agihan / pecahan unit diisytiharkan, pelabur dimaklumkan bahawa NAB seunit akan berkurangan dari NAB sebelum-agihan/NAB sebelum-pecahan unit kepada NAB selepas-agihan/NAB selepas-pecahan unit. Di mana pecahan unit diisytiharkan, nilai pelaburan anda dalam Ringgit Malaysia akan kekal tidak berubah selepas unit-unit tambahan diagihkan. Di mana pembiayaan unit amanah disediakan, pelabur dinasihatkan agar membaca dan memahami kandungan nyata pendedahan risiko pembiayaan unit amanah sebelum membuat keputusan meminjam untuk membeli unit. Pelabur harus menyedari risiko spesifik untuk Dana sebelum melabur: Risiko sekuriti tertentu, risiko kredit/ingkar, risiko kadar faedah, risiko penerbit tunggul dan risiko pengelasan semula status Syariah. Permohonan mesti dibuat menggunakan Borang Membuka Akaun dan Borang Permohonan Pelaburan yang dirujuk dan dilampirkan bersama Prospektus. Dana mungkin tidak sesuai untuk semua dan jika terdapat sebarang keraguan, pelabur seharusnya mendapatkan nasihat bebas. Risalah ini mungkin diterbitkan dalam pelbagai bahasa. Sekiranya terdapat percanggahan atau perbezaan dalam risalah, risalah versi Bahasa Inggeris akan berkuat kuasa dalam semua keadaan. LSEG Lipper Fund Awards, ©2024 LSEG. Semua hak terpelihara. Digunakan di bawah lesen. Anugerah ini diberikan oleh penyedia data dana bebas, LSEG Lipper.

